

The Application of Higher Order Thinking Skills in Teaching Essay for UPSR by Bahasa Melayu Teacher: A Case Study

Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pengajaran Karangan UPSR oleh Guru Bahasa Melayu: Satu Kajian Kes

Muhammad Faez Nurazman Amrullah*, Wan Muna Ruzanna Wan Mohamad, Melor Md Yunus

Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia

*Corresponding author: munaruzanna@ukm.edu.my

Abstract

The purpose of this research is to survey the reaction of Malay Language teachers in normal primary schools towards the application of Higher Order Thinking Skills (HOTS) from the aspect of execution of HOTS in essay writing, confidence in delivery, difficulties experienced during delivery, the level used during delivery and the steps taken to overcome said problems after the teaching process of essay writing. Two male and female teachers teaching at a school in the district of Petaling Jaya were involved as participants in this research. This research was carried out using qualitative methods i.e. the case study and findings were elicited through conversation. Using conversation, the findings of the research show that the main method used by the participants in the application of HOTS were I-Think maps, Question & Answer (Q&A) sessions and high level difficulty questions. Meanwhile, the least used methods were brainstorming and project-based discussions. The participants of the research also displayed high level confidence in the usage of HOTS, but some problems did arise caused by varied intelligence of the students in a certain class causing some disturbance. The problem could be overcome by diversifying methods in delivering HOTS during teaching essay writing. Through this research also, it is found that the teachers use different standards between weak and excellent students, depending on the level of maturity in thinking. This research is significant in order to increase the application of higher order thinking skills in teaching Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) level essays by Bahasa Melayu teachers.

Keywords: Higher order thinking skills, essay writing, essay teaching, Malay language teachers, Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)

Abstrak

Kajian ini bertujuan meninjau reaksi guru Bahasa Melayu di sekolah rendah harian terhadap pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) iaitu daripada aspek cara pelaksanaan KBAT dalam penulisan karangan, keyakinan penyampaian, masalah yang dihadapi ketika penyampaian, aras yang digunakan ketika penyampaian dan langkah mengatasi masalah yang timbul selepas pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan. Seramai dua orang guru lelaki dan dua orang guru perempuan terlibat sebagai peserta yang mengajar di sebuah sekolah di daerah Petaling Jaya. Kajian dijalankan dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kajian kes dan dapatan diambil secara temubual. Dapatan kajian melalui temu bual menunjukkan kaedah yang utama digunakan oleh peserta dalam melaksanakan KBAT melalui penulisan karangan adalah dengan menggunakan peta I-Think, soal jawab dan soalan beraras tinggi. Disamping itu, kaedah yang kurang digunakan pula ialah kaedah sumbang saran dan perbincangan beraskan projek. Peserta kajian juga menunjukkan keyakinan yang tinggi dalam penggunaan KBAT, namun terdapat juga masalah yang timbul berpunca daripada kepelbagaian kecerdasan murid dalam sesebuah kelas yang menyebabkan gangguan. Masalah tersebut dapat diatasi dengan mempelbagaikan kaedah dalam penyampaian KBAT semasa mengajar penulisan karangan. Melalui kajian ini juga, dapat dilihat aras yang digunakan oleh guru berbeza kepada murid lemah dan cemerlang, bergantung kepada tahap kematangan berfikir. Dapatan kajian ini sesungguhnya penting bagi meningkatkan penerapan kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran karangan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) oleh guru Bahasa Melayu.

Kata kunci: Kemahiran berfikir aras tinggi, penulisan karangan, pengajaran karangan, guru bahasa Melayu, Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR)

© 2018 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Menyentuh tentang matlamat dan objektif yang hendak dicapai oleh KPM bagi meningkatkan mutu pendidikan negara ke peringkat maju maka Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) telah diperkenalkan pada tahun 1988. Kewajipan sekolah untuk menyediakan murid dan seterusnya melaksanakan UPSR termaktub dalam Akta Pendidikan 1996 Bahagian IV Seksyen 19 yang menegaskan setiap sekolah hendaklah menyediakan murid-muridnya untuk peperiksaan yang ditetapkan oleh atau di bawah Akta ini (Akta Pendidikan, 1996; Mohd Ismail, 2004). Perkara ini telah mencetuskan minat awal penyelidik untuk meninjau penulisan karangan BM UPSR terhadap kesan penerapan KBAT oleh guru Bahasa Melayu.

Selain itu, Dasar Pecah dan Perintah yang diperkenalkan pada zaman penjajahan menyebabkan ketidakseragaman sistem pendidikan. Semasa penjajahan British, pihak Inggeris juga telah mewujudkan sekolah vernakular Melayu, sekolah vernakular Cina, dan sekolah vernakular Tamil (Mior Khairul Azrin, 2011). Pada zaman pemerintahan Inggeris, punca kaum Melayu mundur dan miskin adalah disebabkan tidak diberikan peluang yang sama untuk mendapat pendidikan. Ini juga menjadi penyebab utama perpaduan yang erat dalam kalangan masyarakat majmuk sukar untuk dicapai. Hal ini mempunyai kaitan yang rapat dengan dasar dan sistem pelaksanaan pendidikan yang tidak meliputi semua golongan masyarakat (Mior Khairul Azrin, 2011).

Kewujudan sekolah vernakular juga telah menyebabkan masyarakat Melayu, Cina, dan India dipisahkan mengikut sistem persekolahan masing-masing dan menyebabkan hubungan antara mereka semakin renggang. Sekolah vernakular Melayu, Cina, dan India mempunyai kepentingan tersendiri, terutama untuk kaum tertentu, iaitu sekolah Melayu untuk kepentingan orang Melayu, sekolah Cina untuk kepentingan orang Cina dan sekolah Tamil untuk kepentingan orang India. (Mior Khairul Azrin, 2011). Melalui bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar utama di sekolah; kurikulum dan sistem peperiksaan yang sama diharap akan dapat memupuk kembali perpaduan rakyat yang renggang sebelum ini. Menurut Abu Hassan (1997), dalam mengejar arus globalisasi masa kini, elemen yang membantu kepada agenda pembinaan negara bangsa ialah sistem pendidikan yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantarnya.

Newman (1990), mendefinisikan KBAT sebagai cabaran dan penggunaan minda secara meluas apabila seseorang perlu membuat interpretasi, menganalisis atau memanipulasi maklumat untuk menjawab sesuatu persoalan. Namun dalam konteks kajian ini, KBAT didefinisikan sebagai pemikiran hingga tiga aras teratas dalam Taksonomi Bloom. Semakan semula oleh Anderson & Krathwohl (2001) iaitu menganalisis, menilai dan mencipta. Di Malaysia pula, KBAT merujuk kepada empat aras teratas taksonomi tersebut iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2012).

Kepentingan menerapkan unsur kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dalam kurikulum telah ditekankan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. Hal ini adalah kerana keputusan hasil Kajian Programe International Student Assessment (PISA) dan Trends in International Mathematics and Science Study (TIMSS) yang menjadi salah satu input utama dalam merangka Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025. Kesedaran betapa pentingnya kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis ini juga timbul apabila prestasi negara kita semakin menurun dalam keputusan TIMSS dan PISA. Selain daripada itu, kemahiran berfikir merupakan kemahiran yang paling asas yang boleh dikembangkan di dalam bilik darjah dan merupakan kunci kepada pencapaian yang tinggi bagi semua murid (Nessel & Graham, 2007).

Tambahan pula, guru adalah pendokong kepada pembentukan masyarakat yang berpemikiran aras tinggi dan memerlukan guru itu sendiri kompeten menggunakan KBAT dalam menterjemahkan pengajarannya. Penglibatan intelektual di bilik darjah adalah tanggungjawab guru sepenuhnya. Kejayaan dan kecemerlangan dalam sesuatu mata pelajaran tidak akan menjadi kenyataan sekiranya pengajaran guru masih menggunakan kaedah tradisional dan tidak mengambil kira aspek kemahiran berfikir kerana itu adalah merupakan aspek penting dalam menguasai sesuatu kemahiran yang dilihat banyak mempengaruhi pencapaian murid (Zamri, 2012). Apabila guru melaksanakan pengajaran yang mengandungi pedagogi yang membantu murid membangunkan KBAT, maka guru berupaya secara langsung meningkatkan pencapaian murid (Boaler & Staples 2008; Franco, Sztajn & Ramalho, 2007).

Di samping itu, pembangunan KBAT dapat memudahkan transisi pengetahuan dan kemahiran kepada tindakan yang bertanggungjawab dan fungsi tertentu mereka dalam masyarakat pada masa depan (Zoller, 2001). Banyak usaha dalam domain KBAT telah merujuk kepada manfaat dan kelebihan pengajaran berfikir aras tinggi (Angel & Valanides, 2009). Sehubungan dengan itu, guru memainkan peranan penting dalam memastikan kurikulum yang dirancang dapat dilaksanakan dengan jayanya.

Permasalahan yang boleh dikemukakan adalah penerapan KBAT dalam kalangan guru Bahasa Melayu masih berada pada tahap yang rendah. Hal ini jelas dapat dilihat berdasarkan kajian oleh Siti Zabidah (2006) yang melihat bahawa kemahiran berfikir guru Bahasa Melayu masih berada di tahap penggunaan mekanikal dan masih belum diserapkan secara terancang. Selain itu, menurut Yahya (2014) murid sukar untuk melaksanakan aktiviti penulisan kerana melibatkan aktiviti beraras tinggi. Hal ini menggambarkan bahawa menulis sebagai kemahiran bahasa yang sukar dilakukan. Oleh itu, guru haruslah menguasai kemahiran KBAT yang tinggi agar dapat mengaplikasikannya dalam pengajaran penulisan karangan dengan baik. Laporan kajian keperluan oleh Perunding Kestrel Education (UK) dan 21st Century Schools (US) pada 2 November 2011 mendapati bahawa pemikiran aras tinggi dalam kalangan guru dan pelajar di Malaysia masih rendah (Jumaliah & Zamri, 2014). Hal ini menunjukkan bahawa kemahiran KBAT masih belum dikuasai oleh guru dan murid dalam penulisan karangan.

Selain itu, banyak kajian KBAT tertumpu kepada pelajar sekolah menengah sahaja. Kajian yang merujuk kepada guru tidak dilakukan oleh penyelidik sebelum ini. Hal ini disokong oleh Khairuddin (2011) dalam kajiannya, Keberkesanan Kaedah Peta Konsep Terhadap Pencapaian, Sikap dan Kemahiran Memahami Kronologi Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan Empat, juga menyentuh mengenai kajian ke atas pelajar dan bukannya kepada guru yang mengajar. Hal ini jelas menunjukkan kajian sebelum ini lebih tertumpu kepada murid dan bukannya kepada guru dalam menerapkan unsur KBAT dalam pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini perlu dijalankan bagi melihat sejauh mana guru Bahasa Melayu menerapkan elemen KBAT dalam pengajaran penulisan karangan Bahasa Melayu.

Sejajar dengan usaha tersebut, tujuan kajian ini adalah untuk melihat pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi dalam pengajaran dan pembelajaran penulisan karangan Bahasa Malaysia oleh guru Bahasa Melayu di sekolah harian biasa kawasan bandar.

■2.0 OBJEKTIF KAJIAN

Secara khusus, objektif kajian ini adalah untuk:

Meneroka penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran karangan Bahasa Melayu di sekolah harian biasa.

■3.0 METODOLOGI

Kajian ini adalah kajian secara kualitatif iaitu kajian kes yang menggunakan kaedah temu bual bagi mengumpul maklumat. Temu bual dilakukan oleh penyelidik untuk mengenal pasti strategi dan cara guru Bahasa Melayu menerapkan KBAT dalam pengajaran penulisan karangan. Rasionalnya adalah untuk mengetahui sama ada strategi yang digunakan guru untuk pengajaran penulisan yang dicadangkan dalam literatur. Kajian Kes merupakan salah satu reka bentuk penyelidikan kualitatif dalam pendidikan dan isu-isu berkaitan dalam pendidikan (Charmaz 2006; Cresswell 2005).

Pensampelan bertujuan diaplikasikan dengan memilih peserta yang terlibat secara langsung dalam pengajaran Bahasa Melayu yang menggunakan KBAT. Pemilihan reka bentuk kajian kes ini adalah bersesuaian dengan tujuan kajian yang memerlukan temu bual secara mendalam (Yin 2003). Temubual telah dijalankan kepada guru yang terlibat bagi memastikan objektif kajian tercapai. Peserta kajian terlibat secara langsung dalam kajian ini adalah empat orang guru Bahasa Melayu yang terdiri daripada dua orang guru lelaki dan dua orang guru perempuan. Peserta telah dipilih untuk sesi temu bual. Pemilihan peserta ini sangat bertepatan kerana peserta terlibat secara langsung dalam pengajaran Bahasa Melayu di sekolah tersebut. Peserta kajian adalah guru yang mempunyai pengalaman mengajar di bawah lima tahun dan mempunyai kelayakan akademik yang sama iaitu di peringkat Ijazah sarjana Muda Pendidikan pengkhususan Bahasa Melayu. Penyelidik memilih guru mengikut kriteria yang ditetapkan iaitu kesanggupan, positif, berusaha untuk meningkatkan nilai professionalism, dan proaktif.

Bagi tujuan kajian ini, sekolah tempat kajian akan dinamakan sebagai sebuah sekolah harian biasa di Petaling Jaya. Memandangkan sekolah ini merupakan sekolah kawasan bandar yang mempunyai peruntukan yang banyak daripada pihak PIBG maka sekolah ini dilengkapi dengan kemudahan yang sangat mendorong memudahkan tugas guru untuk menyampaikan KBAT kepada murid sewaktu pengajaran penulisan karangan. Kemudahan seperti makmal computer, chrome book, skrin LCD dan komputer untuk setiap kelas dan kemudahan kemudahan BBM yang lain seperti Carta I-Think sangat mendorong dan memudahkan guru untuk menyampaikan KBAT dalam pengajaran. Kemudahan talian internet yang boleh diakses pada bila-bila masa juga sangat memudahkan pihak guru untuk mengakses bahan bersama-sama murid mengikut keperluan. Di samping itu, bilik medianya pula dibekalkan dengan kemudahan 'chrome book' yang memberi peluang kepada murid menggunakannya ketika sesi pengajaran dan pembelajaran. Semua kemudahan yang ada di sekolah tersebut sangat mendorong untuk guru menyampaikan KBAT dengan berkesan kepada murid terutamanya ketika mengajar penulisan karangan di dalam kelas.

Bagi memastikan item soalan temu bual ada kesahan kandungan dan boleh dipercayai, pengkaji mendapatkan dua orang pakar iaitu pensyarah daripada Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) untuk menyemak item-item yang digunakan di dalam instrumen soalan temu bual.

■4.0 DAPATAN KAJIAN

Dapatan kajian daripada temu bual bersama empat orang peserta kajian yang terlibat dalam penerapan KBAT dalam pengajaran karangan UPSR oleh guru Bahasa Melayu telah diperolehi untuk mencapai objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti penerapan KBAT yang dilaksanakan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu di sekolah harian biasa. Beberapa item temu bual telah dijalankan untuk mengenal pasti penerapan KBAT dalam pengajaran karangan Bahasa Melayu antaranya ialah kaedah KBAT, keyakinan guru, aras yang digunakan, masalah dan cara mengatasi.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran KBAT seperti berbentuk inkuiri, penyelesaian masalah, penyelidikan dan berasaskan projek. Pelbagai pendekatan dan aktiviti dalam bilik darjah yang boleh dilaksanakan. Guru dan murid menggunakan alat berfikir seperti peta pemikiran dan penyolaan aras tinggi semasa PdP. Pengajaran dan Pembelajaran akan berubah menjadi Pembelajaran dan Pemudahcaraan apabila guru berperanan mengajar dan murid belajar semasa melaksanakan aktiviti aras pemikiran rendah dan apabila aras pemikiran meningkat ke aras yang lebih tinggi, guru berperanan sebagai pemudah cara semasa murid belajar.

Tahap keyakinan guru juga akan dikenal pasti kerana ia merupakan aspek penting yang diperlukan dalam pelaksanaan KBAT di dalam karangan. berdasarkan dapatan kajian oleh Nooriza & Effandi (2013) mendapati sebahagian guru kurang bersedia untuk melaksanakan pengajaran dan pembelajaran dengan mengintegrasikan kemahiran berfikir aras tinggi. Hasil temu bual menunjukkan bahawa hal ini terjadi disebabkan oleh ketidakpelbagaian strategi pengajaran kemahiran berfikir aras tinggi yang digunakan oleh guru.

Aras yang digunakan merupakan elemen yang perlu diambil kira oleh guru kerana murid mempunyai pelbagai aras kognitif. Williams (2015) pula menyatakan bahawa guru sepatutnya bertanyakan bagaimana murid melihat hubungan sesuatu perkara berbanding mengabaikan murid yang memberikan jawapan yang tidak relevan. Hal ini mampu menggalakkan pemikiran aras tinggi dalam kalangan murid dan membentuk pemikiran inovatif. Seringkali dilihat murid dimarahi oleh guru kerana memberi jawapan yang difikirkan tidak logik oleh guru. Guru memainkan peranan untuk bertanya dengan lebih mendalam terhadap pembentukan jawapan murid serta menjana masalah yang merangsang minda murid untuk berfikir.

Masalah yang timbul pula perlu diketahui agar pelaksanaan KBAT dalam dilaksanakan dengan berjaya. Pelbagai masalah akan dikenalpasti yang berpunca daripada beberapa faktor terdekat seperti guru kurang pengetahuan, penglibatan pelajar dan komunikasi pelajar serta persekitaran sekolah. Akhirnya, cara mengatasi masalah perlu dikenal pasti agar segala masalah yang timbul dapat diselesaikan dan pengajaran karangan yang mengaplikasikan KBAT dapat dijalankan dengan lancar.

Profil peserta kajian yang telah terlibat dalam kajian ini adalah seperti di jadual 1:

Jadual 1 Profil peserta kajian

PESERTA	OPSYEN	JANTINA
1	BM	L
2	BM	L
3	BM	P
4	BM	P

Kaedah Penerapan KBAT dalam Pengajaran Penulisan Karangan oleh Guru

Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan menunjukkan guru telah mewujudkan situasi yang menggalakkan kemahiran KBAT berdasarkan persekitaran murid dan pengalaman harian. Dengan cara ini murid lebih mudah berimajinasi, berfikir dan bercerita berdasarkan apa yang ada dalam persekitaran serta menggalakkan suasana pembelajaran yang aktif. Situasi proses pembelajaran yang menerapkan KBAT telah menjadikan Pdpc menyeronokkan dan membuatkan murid-murid teruja untuk terus mendalami pembelajaran.

Jadual 2 Kaedah penerapan KBAT dalam pengajaran oleh peserta

Peserta	Temu bual Cara penerapan KBAT				
	Peta Pemikiran I-Think	Sumbang Saran	Soal Jawab	Perbincangan Berasaskan Projek	Soalan Aras tinggi
PK 1	/		/		/
PK 2	/		/		/
PK 3	/		/	/	/
PK 4	/	/	/		/

Jadual 2 diatas menunjukkan temu bual yang dijalankan, melalui penggunaan peta I-Think dalam penerapan semasa mengajar karangan. Peserta kajian 1 hingga peserta kajian 4 menggunakan peta I-Think untuk menyampaikan KBAT dalam penulisan karangan murid.

“Saya memang selalu guna Peta I-Think sebab ia mudah untuk membincangkan tentang isi karangan.”	Peserta Kajian 1
“ saya guna peta I-Think yang disediakan untuk bantu murid mengeluarkan idea...”	Peserta Kajian 2
“selain menggunakan aktiviti berunsurkan objek, saya menggunakan peta I-Think... ”	Peserta Kajian 3
“ ...peta I-Think lebih mudah kerana salinan peta telah disediakan”	Peserta Kajian 4

Dapatan transkripsi temu bual di dalam Jadual 2 mendapati Peserta kajian 1 hingga Peserta kajian 4 menggunakan peta I-think untuk menyampaikan KBAT dalam penulisan karangan murid. Dengan menggunakan peta i-think murid diajar untuk mengembangkan isi dengan baik. Kaedah ini diamalkan oleh keempat-empat peserta kajian kerana mempunyai kemudahan dalam penyediaan bahan bantu mengajar peta I-Tthink oleh pihak Panitia Bahasa Melayu. Melalui penggunaan peta I-Think juga murid tertarik untuk menyelami isi karangan dan dibentangkan dengan baik dalam penulisan. Peserta kajian 2 mengatakan melalui penggunaan peta I-Think, murid tertarik untuk menyelami isi karangan dan dibentangkan dengan baik dalam penulisan.

Seterusnya, penggunaan cara sumbang saran dalam penerapan pengajaran karangan hanya digunakan oleh seorang peserta. Hasil temubual menunjukkan bahawa, peserta 4 gemar melakukan teknik sumbang saran semasa mengajar karangan di dalam kelas. Manakala kesemua peserta yang lain menggunakan teknik pengajaran karangan yang menerapkan KBAT yang sama seperti penggunaan peta ithink, soalan beraras tinggi dan soal jawab semasa di dalam kelas. Berikut merupakan sedikit ulasan oleh peserta mengenai cara penerapan KBAT dalam pengajaran karangan.

“...gemar melakukan teknik sumbang saran semasa mengajar karangan di dalam kelas”	Peserta Kajian 4
“...tidak pernah mencuba..”	Peserta Kajian 1
“...murid kelas saya ambil masa yang lama untuk melakukan aktiviti tersebut”	Peserta Kajian 2
“...murid pasif semasa cuba buat aktiviti sumbang saran”	Peserta Kajian 3

Dapatan transkripsi temu bual menunjukkan bahawa hanya peserta kajian 4 sahaja yang menggunakan kaedah sumbang saran semasa mengajar karangan kerana muridnya sangat aktif dan memberikan kerjasama semasa kaedah tersebut dijalankan manakala peserta kajian lain tidak menggunakan kaedah tersebut semasa mengajar karangan kerana faktor murid yang bersikap pasif dan keupayaan murid yang tidak aktif. Selain itu, peserta kajian 1 menyatakan bahawa tidak pernah mencuba dan akan mencubanya semasa PDPC akan datang.

Selain itu, teknik soal jawab juga menjadi pilihan kesemua peserta kajian. Teknik soal jawab digunakan untuk pengajaran karangan sebagai salah satu cara penerapan KBAT. Berikut merupakan sedikit ulasan oleh peserta mengenai cara penerapan KBAT dalam pengajaran karangan.

“saya akan menyelitikan soal jawab dalam setiap kelas saya...”	Peserta Kajian 1
“...setiap permulaan pengajaran akan melibatkan aktiviti soal jawab... ”	Peserta Kajian 2
“...saya selalu melakukan soal jawab bersama peta I-Think...”	Peserta Kajian 3
“...ya saya selalu buat soal jawab. ”	Peserta Kajian 4

Dapatan transkripsi temu bual mendapati Peserta 1, Peserta 2, Peserta 3 dan Peserta 4, menggunakan teknik soal jawab untuk menerapkan KBAT dalam penulisan karangan murid. Melalui teknik soal jawab murid diajar untuk mengeluarkan idea karangan dengan baik. Kesemua peserta menggunakan teknik soal jawab untuk mengajar karangan kerana dapat membantu murid mengaitkan pengalaman sedia ada dengan topik pengajaran karangan pada hari tersebut. Kaedah ini diamalkan oleh keempat-empat peserta kerana teknik ini mudah dan boleh diselitkan dalam setiap bahagian PdPc. Penggunaan cara soal jawab juga boleh digunakan bersama peta I-Think secara tidak langsung.

Perbincangan Berasaskan Projek merupakan salah satu cara penerapan KBAT dalam pengajaran karangan. Hanya seorang peserta yang menggunakan cara tersebut semasa mengajar karangan. Berikut merupakan sedikit ulasan oleh peserta mengenai cara penerapan KBAT dalam pengajaran karangan.

“...kelas saya tidak sesuai kerana ambil masa lama...mungkin objektif pengajaran pada hari tu takkan tercapai”	Peserta Kajian 1
“... saya tak pernah cuba...”	Peserta Kajian 2
“...murid di kelas hadapan lebih gemarkan aktiviti berunsurkan projek semasa belajar. Oleh itu, saya selalu mengadakan perbincangan berasaskan projek semasa mengajar karangan. Saya hanya menjadi fasilitator semasa aktiviti ini dijalankan kerana murid sendiri akan mengeluarkan idea-idea berdasarkan projek tersebut. Aktiviti ini ternyata sesuai dengan prestari murid kelas hadapan...”	Peserta Kajian 3
“saya tidak pernah mencuba teknik ini kerana mungkin akan ambil masa terlalu lama...saya akan cuba...”	Peserta Kajian 4

Dapatan transkripsi temu bual mendapati peserta 1 dan peserta 2 tidak menggunakan cara perbincangan berasaskan projek untuk menerapkan KBAT dalam penulisan karangan murid kerana terdapat kelas yang tidak sesuai menggunakan cara tersebut kerana tahap pencapaian murid dan akan mengambil masa yang lama. Selain itu, peserta 4 pula akan mencuba cara tersebut pada PdPc akan datang. Manakala peserta 3 telah menggunakan cara perbincangan berasaskan projek dan mendapati muridnya gemarkan aktiviti berunsurkan projek dan beliau hanya menjadi fasilitator manakala muridnya sendiri akan mengeluarkan idea.

Hasil dapatan melalui temubual yang dijalankan, melalui penggunaan soalan beraras tinggi dalam penerapan semasa mengajar karangan pula menunjukkan peserta 1, peserta 2, peserta 3 dan peserta 4 menggunakan soalan aras tinggi untuk menyampaikan KBAT dalam penulisan karangan murid. Berikut merupakan sedikit ulasan oleh peserta mengenai cara penerapan KBAT dalam pengajaran karangan.

“...kerap juga soalan aras tinggi diajukan kepada murid...”

Peserta Kajian 1

“...beberapa soalan aras tinggi akan ditanya kepada murid semasa pengajaran...”

Peserta Kajian 2

“...awal dan akhir pengajaran akan dibuat...”

Peserta Kajian 3

“...beberapa soalan aras tinggi pada awal pengajaran dapat mengeluarkan idea murid sebelum karangan dibincangkan...”

Peserta Kajian 4

Dapatan transkripsi temu bual mendapati peserta 1, peserta 2, peserta 3 dan peserta 4 menggunakan teknik soalan beraras tinggi untuk menerapkan KBAT dalam penulisan karangan murid. Soalan aras tinggi diajar untuk mencambahkan isi karangan. Kaedah ini diamalkan oleh keempat - empat peserta kerana cara ini amat mudah untuk dijalankan dan sesuai untuk semua murid. Kaedah ini diamalkan oleh keempat - empat peserta kerana teknik ini amat sesuai digunakan pada bila-bila masa. Kesemua peserta mengaplikasikan teknik ini sepanjang PdPc berlangsung.

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan hampir semua peserta menggunakan teknik pengajaran yang menerapkan elemen KBAT. Perkara ini menunjukkan bahawa peserta-peserta tersebut melaksanakan pengajaran berdasarkan panduan yang ditetapkan oleh panitia Bahasa Melayu dan juga kemudahan buku teks.

Tahap Keyakinan Guru dalam Penyampaian KBAT dalam Penulisan Karangan

Dapatan temu bual di dalam Jadual 3 menunjukkan bahawa keempat-empat peserta menyatakan bahawa setelah sekian lama menerapkan KBAT di dalam ilmu pedagogi sejak di Universiti dan IPG, serta latihan melalui kursus peringkat sekolah dan PPD menyebabkan keyakinan dalam penyampaian KBAT sangat tinggi. Tambahan pula, murid-murid di sekolah ini merupakan sekolah di kawasan bandar yang telah menerima latihan dan penerangan KBAT lebih awal. Kemudahan turut disediakan kepada guru untuk menerapkan KBAT di dalam pengajaran. Apabila guru melakukan PdP menggunakan KBAT, murid-murid lebih mudah menerima apa-apa yang diajarkan oleh guru dan mudah melakukan gerak kerja yang diarahkan. Kerjasama diantara murid dan guru menyebabkan guru lebih yakin untuk menerapkan KBAT di dalam penulisan karangan. Keyakinan ini dinyatakan oleh keempat-empat peserta di dalam Jadual 3 seperti berikut:

Jadual 3 Tahap keyakinan guru menyampaikan KBAT

Responden	Temu bual Cara penerapan KBAT				
	Tidak Yakin	Kurang Yakin	Sederhana Yakin	Yakin	Sangat Yakin
PK 1				/	
PK 2					/
PK 3				/	
PK 4					/

“...setakat ini saya **mempunyai keyakinan** kerana saya telah menerima latihan semasa di Institut Pendidikan Guru. Saya telah membiasakan diri dengan latihan KBAT sejak menjejakkan kaki di sekolah sebagai guru. Banyak cubaan telah dilakukan untuk mencapai KBAT bersama murid dengan pelbagai tahap...”

Peserta Kajian 1

“...**keyakinan saya amat tinggi** semasa menerapkan KBAT di dalam PdP saya. Hal ini mungkin disebabkan saya telah mendapat banyak pendedahan semasa menghadiri kursus LADAP di dalam sekolah yang dianjurkan oleh panitia bahasa Melayu...”

Peserta Kajian 2

“...**saya berasa yakin** semasa mengajar karangan menggunakan KBAT. Hal ini kerana saya sudah mula menggunakannya sejak 5 tahun lepas selepas mendapat pendedahan mengenainya. Selain itu, penggunaan buku teks baharu turut membantu saya semasa mengajar kerana format buku teks tersebut menggunakan kemahiran KBAT...”

Peserta Kajian 3

“...**tahap keyakinan saya amat tinggi** semasa menerapkan KBAT di dalam pengajaran saya. Tambahan pula, kursus dan latihan yang saya terima menyebabkan saya sentiasa mendapat pendedahan mengenai teknik terkini untuk menerapkan KBAT semasa mengajar karangan. Selain itu, murid-murid saya juga sudah dilatih sejak awal tahun menyebabkan mereka mudah menerima teknik pengajaran saya...”

Peserta Kajian 4

Hasil dapatan temubual melalui peserta 1, peserta 2, peserta 3 dan peserta 4 di dalam Jadual 3 menyatakan keyakinan semasa menerapkan KBAT dalam penulisan karangan murid. Peserta 1 dan 3 menyatakan perasaan yakin semasa mengajar karangan Bahasa Melayu menggunakan KBAT manakala peserta 2 dan 4 menyatakan perasaan sangat yakin kerana telah mendapatkan kursus di peringkat sekolah dan daerah untuk mengaplikasikan KBAT dalam pengajaran karangan.

Secara keseluruhannya, boleh dikatakan semua peserta mempunyai keyakinan yang tinggi semasa menerapkan KBAT dalam pengajaran karangan.

Tahap KBAT Yang Dijana Semasa Pengajaran Dan Pembelajaran Bagi Murid Tahap 1 Dan Tahap 2 Semasa Mengajar Karangan.

KBAT melibatkan kemahiran intelek yang tinggi. Kemahiran ini kebiasaannya merujuk kepada empat aras dalam Taksonomi Bloom iaitu mengaplikasi, menganalisis, menilai dan mencipta. KBAT juga mengaplikasikan pemikiran secara kritikal, pemikiran kreatif, pemikiran logikal, pemikiran reflektif, dan meta kognitif. Secara mudahnya, murid mencerpap sesuatu data kemudian diproses dalam minda dan akhirnya dikeluarkan semula dalam pelbagai bentuk. Kemahiran berfikir ini juga dikatakan sebagai berfikir secara kritis dan kreatif.

Hasil dapatan kajian yang telah dijalankan di dalam Jadual 4 menunjukkan peserta kajian menyatakan biasanya semasa peringkat tahap 1, aras KBAT yang digunakan ialah mengaplikasi, menganalisis, dan menilai. Hal ini disebabkan kematangan pemikiran murid masih lagi rendah. Namun pada peringkat murid tahap 2, murid-murid mula didedahkan dengan aras yang paling tinggi iaitu mereka cipta. Hal ini kerana murid pada peringkat tahap 2 telah lebih matang berbanding murid tahap 1.

Jadual 4 Tahap KBAT yang dijana oleh guru

PESERTA	Temu bual Tahap KBAT yang dijana oleh guru						
	Tahap 1			Tahap 2			
	Aplikasi	Analisis	Penilaian	Aplikasi	Analisis	Penilaian	Mencipta
PK 1	/	/	/	/	/	/	/
PK 2	/	/	/	/	/	/	/
PK 3	/	/	/	/	/	/	/
PK 4	/	/	/	/	/	/	/

“...kebiasaannya di peringkat tahap 1, **saya akan menggunakan tiga aras terbawah** iaitu mengaplikasi, menganalisis dan menilai. Disebabkan murid tahap 1 adalah murid yang belum matang sepenuhnya maka tahap tersebut lebih sesuai manakala untuk **murid tahap 2 saya telah mendedahkan mereka dengan konsep mereka cipta** contohnya mencipta pantun untuk permulaan karangan...”

Peserta Kajian 1

“...untuk murid tahap 1, saya hanya **menerapkan pengajaran yang beraras mengaplikasi, menganalisis dan menilai**. Sebagai contoh saya menggalakkan murid memasukkan peribahasa ke dalam karangan sebagai aras mengaplikasi. Kemudian untuk murid **tahap dua pula, saya mula mengajar untuk mereka cipta sajak dan pantun...**”

Peserta Kajian 2

“...saya biasa melatih murid untuk menulis pelbagai jenis ayat di dalam karangan. **Itu sudah membayangkan peringkat aplikasi dalam karangan murid**. Tetapi untuk murid tahap dua pula, aspek **mereka cipta ditekankan** dengan kemampuan murid...”

Peserta Kajian 3

“...secara umumnya saya menerapkan **kesemua aras untuk murid tahap 2, bermula dari aras aplikasi sehinggalah aras mereka cipta** manakala untuk **tahap 1, saya hanya menggunakan tiga aras terbawah iaitu aplikasi, analisis dan penilaian sahaja**. Kesemua aras ini dilaksanakan mengikut tahap dan kemampuan murid...”

Peserta Kajian 4

Kesimpulannya, boleh dikatakan keempat-empat peserta menggunakan aras yang sama dan menyampaikan aras tersebut mengikut kematangan dan kesesuaian murid. Selain itu, juga peserta juga telah memainkan peranan penting dalam merancang pengajaran agar KBAT dapat dilaksanakan dengan baik.

Masalah yang Timbul Semasa Guru BM Menerapkan Unsur KBAT dalam Pengajaran Karangan

Pelbagai masalah yang dihadapi oleh seseorang guru semasa melaksanakan proses PdPc yang berteraskan KBAT terutamanya di kelas prestasi lemah. Masalah tersebut kebiasaannya boleh diatasi bergantung kepada kebolehan dan teknik yang digunakan oleh guru. Menurut kesemua peserta di dalam Jadual 5, masalah yang sering hadapi ialah kepelbagaian kecerdasan murid. Murid-murid ini berbeza kebolehannya mengikut kedudukan kelas. Oleh itu, masalah tersebut berbeza-beza mengikut kelas. Kelas hadapan boleh mengaplikasikan KBAT di dalam penulisan karangan tetapi masih memerlukan bantuan dan bimbingan guru manakala murid kelas lemah memerlukan sepenuhnya bimbingan guru dari awal hingga peringkat akhir PdPc. Peserta juga mengatakan kadang-kadang murid yang diajar tidak mencapai jangkauan guru dalam mengemukakan pendapatnya. Hal ini mungkin disebabkan masalah murid yang tidak memberikan komitmen dan bersungguh-sungguh semasa berfikir. Namun ada juga murid yang mampu memberi isi-isi penting dan idea-idea bernas berdasarkan pengalamannya sendiri.

Jadual 5 Masalah yang timbul ketika menyampaikan KBAT

PESERTA	Temu bual				
	Masalah yang timbul ketika menyampaikan KBAT				
	Murid Tidak Mampu	Murid terikut cara lama	Kurang BBM	Murid Tidak Bersedia	Murid Pelbagai Aras
PK 1	/				
PK 2		/			
PK 3	/				
PK 4					/

“...**masalah yang kerap timbul ialah kemampuan murid** ketika menggunakan Peta I-Think. murid di kelas belakang mempunyai masalah untuk mengeluarkan idea sendiri di dalam peta I-Think...”

Peserta Kajian 1

“...**kebanyakan murid masih terikut cara lama**. Mereka terus menulis karangan tanpa mengeluarkan idea di dalam peta I-think. Murid kelas hadapan terlalu tidak sabar untuk menulis karangan dan tidak begitu berminat untuk sesi sumbang saran di awal pengajaran...”

Peserta Kajian 2

“...**murid memerlukan bantuan guru untuk menulis maklumat di dalam peta I-Think**. Selain itu, murid kelas belakang juga hanya berdiam diri ketika ditanya oleh guru mengenai pendapat mereka untuk mencari isi penting. Murid mengharapkan idea atau contoh daripada guru untuk memulakan karangan...”

Peserta Kajian 3

“...**masalah utama yang saya hadapi ialah terdapat pelbagai aras prestasi murid di dalam kelas**. Terdapat murid yang lambat untuk menguasai kemahiran KBAT berbanding kawan-kawannya yang lain. Selalunya murid inilah yang melambatkan proses PdP dan memberi masalah kepada rakan-rakan lain...”

Peserta Kajian 4

Hasil dapatan temubual melalui peserta 1, peserta 2, peserta 3 dan peserta 4 di dalam Jadual 5 menyatakan masalah yang dihadapi semasa menerapkan KBAT dalam penulisan karangan ialah daripada murid itu sendiri. Peserta 1 dan 3 menyatakan murid tidak mampu menggunakan elemen KBAT semasa menulis karangan Bahasa Melayu manakala peserta 2 menyatakan muridnya masih terikut cara lama walaupun telah didedahkan dengan KBAT untuk menulis karangan. Peserta 4 pula menyatakan terdapat kepelbagaian aras kecerdasan murid di dalam kelasnya menyebabkan penerapan KBAT sukar dilaksanakan.

Secara keseluruhannya, kesemua peserta memberikan pendapat bahawa masalah utama yang dihadapi dalam mengaplikasikan KBAT di dalam penulisan karangan ialah masalah murid itu sendiri. Hal ini kerana faktor-faktor lain mempunyai peratus yang amat sedikit seperti kemudahan sudah tersedia dan keyakinan guru juga amat tinggi dalam melaksanakan PdP penulisan karangan berteraskan KBAT.

Langkah Mengatasi Masalah Yang Timbul Semasa Penerapan KBAT Oleh Guru Semasa Mengajar Penulisan Karangan.

KBAT perlu diberi penekanan dalam PdPc bahasa Melayu. Guru khususnya perlu mempunyai pengetahuan tentang kemahiran berfikir agar guru dapat mengaplikasikan pengajaran dalam bilik darjah. Banyak cabaran perlu diharungi oleh guru dalam melaksanakan sistem pendidikan abad ke-21. Oleh itu, sikap yang positif dan ikhlas memainkan peranan yang penting bagi guru dalam melahirkan murid yang kreatif, pemikir dan inovatif.

Oleh itu, sebagai langkah mengatasi mengikut peserta yang ditemu bual seperti di dalam Jadual 6 ialah perlu menukar dan mempelbagaikan strategi dalam menerapkan unsur KBAT dalam pengajaran karangan kepada murid. Pelbagai teknik yang digunakan dapat memberi kelainan dan keserasian kepada murid mengikut kemampuan murid.

Jadual 6 Cara mengatasi masalah penerapan KBAT oleh guru

PESERTA	Temu bual				
	Langkah Mengatasi Masalah yang timbul ketika menyampaikan KBAT				
	Peta Pemikiran I-Think	Sumbang Saran	Soal Jawab	Perbincangan Berasaskan Projek	Tingkat Soalan Aras Tinggi
PK 1	/	/	/	/	/
PK 2	/	/	/	/	/
PK 3	/	/	/	/	/
PK 4	/	/	/	/	/

“...murid di dalam kelas saya mempunyai tahap kemampuan yang berlainan. Oleh itu, saya **selalu menggunakan teknik yang berlainan untuk menyelesaikan masalah**. KBAT tidak tetap kepada penggunaan peta I-Think sahaja, tetapi saya juga menggunakan kaedah sumbang saran dan soal jawab...”

Peserta Kajian 1

“...untuk murid kelas belakang saya gemar **menggunakan teknik soal jawab** untuk mencambah idea murid berbanding menulis maklumat di dalam peta I-Think. Namun untuk murid yang cemerlang saya **menggunakan peta I-Think supaya murid bebas untuk menyatakan idea secara tulisan...**”

Peserta Kajian 2

“...saya juga **mempelbagaikan kaedah di dalam kelas saya** untuk mengelakkan murid berasa bosan. Jika tajuk karangan adalah susah dan melampaui pengalaman murid maka saya akan gunakan teknik projek dan sumbang saran...”

Peserta Kajian 3

“...saya akan menggunakan **kaedah tertentu untuk mencapai objektif yang saya telah tetapkan**. Jika tidak berjaya maka saya akan **mencuba kaedah lain bergantung kepada kemampuan murid**. Kaedah yang kerap digunakan ialah soal jawab, sumbang saran dan peta I-Think...”

Peserta Kajian 4

Hasil dapatan temubual melalui peserta 1, peserta 2, peserta 3 dan peserta 4 di dalam Jadual 6 menyatakan bahawa perlu menukar dan mempelbagaikan strategi dalam menerapkan unsur KBAT dalam pengajaran karangan kepada murid. Kesemua peserta berpendapat akan mencuba pelbagai strategi mengikut kemampuan murid dan untuk mengelakkan murid bosan semasa menggunakan elemen KBAT dalam penulisan karangan.

Secara keseluruhannya, kesemua peserta memberikan pendapat untuk bersetuju dengan menyatakan bahawa perlu menambah lagi ilmu KBAT sedia ada kepada tahap yang lebih baik dan mempelbagaikan cara atau strategi KBAT dalam pengajaran karangan.

5.0 PERBINCANGAN

Hasil kajian menunjukkan guru telah mewujudkan situasi yang menggalakkan kemahiran KBAT berdasarkan persekitaran murid dan pengalaman harian. Dengan cara ini murid akan lebih mudah berimiginasasi, berfikir dan bercerita berdasarkan apa yang berada dalam persekitaran serta menggalakkan suasana pembelajaran yang aktif. Dapatan daripada kajian telah menjadikan proses PdP menyeronokkan dan membuatkan murid-murid teruja untuk terus berada di dalam pembelajaran. Menurut peserta 1, 2, 3, dan 4, penggunaan peta I-Think secara dasarnya untuk menerapkan KBAT semasa mengajar karangan. Dengan menggunakan peta I-Think murid-murid diajar untuk

mengembangkan idea karangan dengan lebih baik. Kaedah ini menjadi keutamaan dan selalu diamalkan kerana kemudahan tersebut telah disediakan oleh Panitia Bahasa Melayu. Melalui peta I-Think juga murid tertarik untuk meneroka isi karangan dan dibentangkan dengan baik dalam penulisan.

Namun begitu, peserta 3 menyatakan cara yang berbeza semasa memilih cara penerapan KBAT semasa mengajar karangan iaitu dengan mengadakan perbincangan berasaskan projek. Menurutnya cara tersebut sangat sesuai untuk murid. Selain itu, peserta 4 juga memilih cara lain iaitu teknik sumbang saran semasa menerapkan KBAT di dalam pengajaran.

Dapatan adalah diperoleh daripada hasil temu bual bersama rakan semasa sesi refleksi selepas setiap sesi pembelajaran dijalankan. Hasil temu bual yang dijalankan ke atas empat orang peserta, yang menunjukkan keyakinan semasa menerapkan KBAT di dalam pengajaran kerana sudah lama dilatih mengenai pedagogi berunsurkan KBAT sejak di universiti dan institut pendidikan guru. Selain itu, peserta juga telah mendapatkan kursus semasa di sekolah dan PPD.

Disamping itu, keyakinan tersebut ditambah lagi dengan prestasi murid sekolah tersebut yang terletak di kawasan bandar. Apabila pengajaran dijalankan ke atas murid-murid sekolah tersebut ia lebih mudah diterima kerana murid tersebut sudah diberikan pendedahan awal. Kesemua gerak kerja mudah dilakukan mengikut arahan yang dikeluarkan oleh guru-guru mereka. Kerjasama dan penglibatan aktif murid juga mendorong keyakinan untuk menyampaikan KBAT dalam pengajaran penulisan karangan. Dapatan kajian menunjukkan tahap kemahiran pelaksanaan KBAT dalam pengajaran guru Bahasa Melayu adalah sangat tinggi. Oleh itu, dapatan ini menolak kajian Zamri et.al (2010) yang mendapati guru mempunyai sikap yang kurang yakin dalam membuat penilaian kepada murid.

Terdapat sekelompok murid yang boleh menguasai KBAT dengan baik dan cepat manakala terdapat juga beberapa orang murid yang memerlukan peneguhan yang kerap untuk menguasai kemahiran KBAT dalam penulisan karangan. Peserta juga menyatakan kadangkala murid yang diajar tidak mencapai jangkauan guru dalam mengemukakan pendapat dan ada juga murid yang mampu memberikan pendapat dengan bernas. Hal ini mungkin berpunca daripada murid-murid yang tidak memberikan tumpuan terdapat pembelajaran. Rata-rata peserta berpendapat, masalah utama yang dihadapi ialah berpunca daripada murid sendiri. Hal ini juga kerana terdapat pelbagai kemudahan disekolah dan keyakinan terhadap guru amat tinggi sekali. Dapatan ini menyokong pendapat Noraishah (2004) yang menyatakan murid masih mempunyai tahap intelektual yang rendah dan lemah berfikir. Kebolehan murid dari segi mengkritik, mengemukakan idea, dan memberi cadangan yang relevan juga tidak mencapai tahap kecemerlangan yang sepatutnya walaupun penekanan dalam penguasaan kemahiran berfikir ini telah pun ditekankan di dalam kurikulum.

Setelah melalui temu bual peserta kajian menyatakan biasanya untuk peringkat tahap 1, aras KBAT digunakan ialah 3 peringkat terbawah iaitu mengaplikasikan, menganalisis dan menilai. Hal ini berlaku disebabkan kematangan pemikiran murid masih lagi rendah. Namun di peringkat tahap 2, murid telah mula didedahkan dengan aras yang paling tinggi pula iaitu mereka cipta. Hal ini demikian, murid-murid pada peringkat tahap 2 telah mula matang untuk berfikir dan berkebolehan untuk mereka cipta. Menurut Mohamad Johdi (2007), guru yang berkesan perlu mempunyai kemahiran mendalam dalam bidang atau subjek yang diajar supaya kemas kini, menarik, bertenaga dan professional semasa mengajar.

Oleh itu, sebagai langkah mengatasi masalah yang dihadapi peserta semasa menerapkan KBAT di dalam PdP ialah peserta bersetuju untuk menambahkan ilmu dan kemahiran KBAT sedia ada kepada tahap yang lebih baik lagi. Disamping itu, peserta juga perlu menukar dan mempelbagaikan strategi dalam menerapkan unsur KBAT dalam pengajaran penulisan karangan kepada murid-murid. Peserta bersetuju untuk menukar kaedah kepada teknik mengajar KBAT yang lain seperti sumbang saran, soal jawab dan teknik penyelesaian masalah dan tidak akan hanya tertumpu kepada penggunaan peta I-Think semata-mata. Diantara strategi berkesan untuk membolehkan murid menguasai KBAT adalah dengan memberi masalah yang mencabar, membimbing murid mencuba sesuatu yang baru (Rajendran, 2000). Dapatan ini disokong oleh Normah (2013) yang menyatakan penguasaan kemahiran berfikir telah menyakinkan murid untuk berfikir secara sendiri tanpa perlu bertanya kepada guru. Murid juga telah menggunakan minda untuk mentafsir situasi dan masalah yang dihadapi.

6.0 KESIMPULAN

Kajian ini telah mendedahkan secara tidak langsung aspek-aspek penting yang boleh membantu pihak sekolah dan guru-guru dalam melaksanakan KBAT secara lebih berkesan dan cemerlang. Jika kajian ini dapat mendedahkan kelemahan-kelemahan yang tidak disedari dalam pelaksanaan KBAT ini, maka haruslah diatasi bersama untuk mewujudkan PdP yang berkesan. Jika perlu dilakukan apa-apa perubahan, pihak terbabit perlu keluar dari kepompong keselesaan dan menggerakkan minda dan fizikal secara aktif merancang dan bertindak untuk kejayaan bersama.

Secara keseluruhannya, kajian ini telah dapat melibat peranan KBAT dalam pengajaran karangan dari aspek guru Bahasa Melayu. Faktor yang dibawa oleh guru merupakan kayu ukur dalam pelaksanaan KBAT. Melalui kajian ini telah berjaya membuktikan bahawa tahap keyakinan, strategi yang digunakan, masalah yang timbul dan cara guru menyelesaikan masalah boleh membantu murid untuk melahirkan murid yang mengaplikasikan pembelajaran abad ke-21 di dalam karangan Bahasa Melayu.

Oleh itu, melalui dapatan kajian ini, guru haruslah sentiasa bersedia dalam memperolehi sebarang pembaharuan, menerima dan menggunakan pembaharuan, cuba untuk menyelesaikan masalah yang timbul agar KBAT dalam dilaksanakan dalam pengajaran.

Rujukan

- Abdul Rahim Abdul Rashid. (1999). *Kemahiran Berfikir Merentasi Kurikulum*. Shah Alam. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Abu Hassan Othman. (1997). "Tranformasi Masyarakat dalam Konteks Pembinaan Negara Bangsa Malaysia". Dlm M. Yaakob Johari. (ed). *Agenda Pembinaan Negara-Bangsa Malaysia dalam Era Kebangkitan Asia*. Kota Kinabalu: Institut Kajian Pembangunan (Sabah).
- Angeli, C., & Valanides, N. (2009). Instructional Effects On Critical Thinking: Performance on Ill-Defined Issues. *Learning Instruction*, 19, 322-234
- Anisah Abdul Razak. (2009). Permasalahan dalam KOMSAS. Dimuat turun daripada <http://suhanis87.blogspot.com/2009/10/permasalahan-dalam-KOMSAS.html>
- Azman Mohd Nor. (2000). *Gaya Pembelajaran Asas dan Keperluan Memasukkan Kemahiran Berfikir dalam Pembelajaran*. Projek Sarjana Pendidikan. Universiti Malaya.

- Balakrishnan. (2002). *Penilaian Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif Dan Kritis (KBKK) dalam Mata Pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan 4: Satu Kajian Kes di Daerah Tampin dan Rembau Negeri Sembilan*. Kertas Projek Sarjana Pendidikan
- Boaler, J., & Staples, M. (2008). Creating Mathematical Futures Through an Equitable Teaching Approach: The Case of Rail Side School. *Teachers College Record*, 110(3), 608 – 645
- Chew Fong Peng. (2006). Pendidikan Kesusasteraan Melayu di Malaysia dan Permasalahannya. *Jurnal Masalah Pendidikan*, 29(1), 143-157
- De Bono, E. (1993). *Atlas of Management Thinking*. London: Penguin Books.
- Dolores, D.B. (2002). Critical Race Theory, Latino Critical Theory, and Critical Raced-Gendered Epistemologies: Recognizing Students of Colour as Holders and Creators of Knowledge. *Qualitative Inquiry*, 8 (1): 105-126
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2001). *Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran dan Pembelajaran*. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2013). *Huraian Sukatan Pelajaran: Bahasa Melayu (Semakan Baharu)*. Kuala Lumpur. Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Maimunah Osman. (2004). *Kemahiran berfikir*. Kuala Lumpur. Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN).
- Ministry of Education Malaysia. (2006). *Malaysia Education Master Plan 2006-2010*. Putrajaya. KPM.
- Ministry of Education Malaysia. (2013). *Malaysia Education Blueprint 2013-2025*. Putrajaya. KPM.
- Mior Khairul Azrin Mior Jamaluddin. (2011). Sistem Pendidikan di Malaysia: Dasar, Cabaran, dan Pelaksanaan ke Arah Perpaduan Nasional. *Sosio Humanika Jurnal Pendidikan Sains Sosial Dan Kemanusiaan*. 4(1), 33-47
- Mohd. Ismail Othman. (2004). Ibu Bapa dan Pencapaian Akademik Anak-Anak: Satu Tinjauan Literatur. *Jurnal Pendidikan*, 7, 76-84.
- Mohd. Mohsin & Nasrudin Yunus. (2008). Halangan-Halangan Kepada Usaha Memupuk Kreativiti di Kalangan Pelajar. *Prosiding Seminar Kebangsaan Kemahiran Insaniah dan Kesejahteraan Sosial (SKKKS 08)*, 89-96. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Kamarul Kabilan. (2011). Creative And Critical Thinking In Language Classrooms. *The Internet TESL Journal*, 1. Dimuat turun daripada <http://iteslj.org/Techniques/KabilanCriticalThinking.html>
- Newmann, F. M. (1990). Higher Order Thinking In Teaching Social Studies: A Rationale For The Assessment of Classroom Thoughtfulness. *Journal of Curriculum Studies*, 22(1), 41-56
- Paul, R. & Linda, L. (2008). *The Thinkers' Guide to The Nature and Functions of the Critical and Creative Thinking*. Boston. Foundation for Critical Thinking Press.
- Phillips, J. A. (1997). *Pengajaran Kemahiran Berfikir: Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur. Utusan Publications.
- Poh Swee Hiang. (2001). KBKK: Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif. Kuala Lumpur. Kumpulan Budiman.
- Rohaida Yusop & Zamri Mahamod. (2015). Keberkesanan Peta Pemikiran (I-Think) Dalam Meningkatkan Pencapaian Penulisan Bahasa Melayu Murid Tahun 6. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 31-37
- Sim Ah Hock, Dr. et. Al. (1997). Kesan Strategi Pemetaan Konsep Terhadap Pemrosesan Maklumat Sains dalam Tutorial Pembelajaran Berbantuan Komputer. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan 1997*. Maktab Perguruan Sultan Abdul Halim.
- Subadrah Madhawa Nair. (2001). Penggunaan Peta Minda Sebagai Satu Strategi dalam Pengajaran Kesusasteraan Melayu. *Prosiding Seminar Pendidikan Kebangsaan*. Fakulti Pendidikan UKM.
- Zamri Mahamod & Nor Razah Lim. (2011). Keperbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 1(1), 51-65
- Zoller. (2001). Alternative Assessment as (Critical) Means of Facilitating HOCS-Promoting Teaching and Learning in Chemistry Education. *Chemical Education Research and Practice in Europe*, 2(1), 9-17